

Buat keputusan muktamad bahaya penggunaan vape

Anggaran Kementerian Kesihatan (KKM) bahawa jumlah penghisap vape dalam negara sudah mencapai sejuta orang perlu mendapat perhatian lebih serius serta tegas daripada semua pihak. Jawatankuasa Majlis Fatwa Peringkat Kebangsaan serta Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri perlu membuat kajian serta keputusan segera serta sepakat bagi mendapatkan status sebenar mengenai penggunaan vape dalam kalangan masyarakat.

Walaupun kajian sudah dibuat mengenai kesan penggunaan rokok biasa, rokok elektronik (e-rokok) dan shisha yang diperse-

tujui pihak berkaitan sebagai boleh menjejaskan kesihatan pengguna, namun status kesan penggunaan vape masih belum mendapat kepastian muktamad serta secara sepakat.

Status penggunaan

Sejak isu vape mendapat liputan meluas, beberapa pihak berkepentingan mula mengeluarkan pelbagai kenyataan mengenai status penggunaan vape yang dikatakan tidak membawa kesan terhadap kesihatan pengguna. Ada juga segelintir pihak berkepentingan mengatakan bahawa vape menawarkan kaedah alternatif dan lebih baik daripada ro-

kok serta dapat membantu masalah ketagihan merokok dalam kalangan perokok tegar.

Selagi kajian serta penyelidikan mengenai kesan penggunaan vape tidak segera dilakukan, penggunaan dan pengedaran vape di negara ini amat sukar untuk dibendung. Berdasarkan perangkaan pengguna vape dinyatakan KKM, ia menunjukkan jumlah penggunaan vape meningkat dengan mendadak.

Ini sekali gus mencetuskan ke-

FAKTA NOMBOR

20

universiti

haram penggunaan vape di kampus

bimbangan ramai pihak terutama ibu bapa yang khuatir budaya menghisap vape akan menular dalam kalangan anak mereka terutama yang masih bersekolah.

Pelbagai langkah sedang diambil pihak berkaitan bagi membendung masalah penggunaan vape. Baru-baru ini KKM ada menyatakan hasrat menambah peruntukan sedia ada bagi melarang penggunaan vape.

Larangan hisap di 21 kawasan

Antara dicadangkan ialah larangan menghisap vape di 21 kawasan diwartakan sebagai kawasan larangan merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 serta mengawal penjualan vape kepada remaja di bawah umur 18 tahun mengikut Akta Kawalan Makanan 1983 serta pada masa sama memasukkan vape ke dalam definisi rokok.

Baru-baru ini juga, 20 universiti awam bersepakat mengharamkan penggunaan vape di kampus. Pelajar yang didapati menggunakan vape akan menghadapi tindakan tatatertib dan dikenakan denda.

Namun segala usaha diambil atau ingin diambil perlu mendapat sokongan semua pihak. Untuk itu, pihak berkaitan perlu mendapatkan kepastian dengan segera memutuskan kesan penggunaan vape terutama dari sudut kesihatan terhadap pengguna. Selagi kajian serta penyelidikan terhadap kesan penggunaan vape tidak dapat dipastikan secara muktamad amat sukar untuk pihak berkaitan membendung penggunaan vape dalam kalangan rakyat di negara ini.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia